

Yusoff Rawa menang Presiden Pas tanpa tanding

KUALA LUMPUR, Sabtu — Haji Yusoff Rawa diisytiharkan sebagai Yang Dipertua Agung baru Pas bila tarikh pencalonan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi parti ditutup semalam.

Setiausaha Agong Pas, Haji Hassan Shukri berkata hari ini, Pemangku Yang Dipertua Agung parti itu, adalah calon tunggal bagi jawatan nombor satu parti.

Bertanding

Ini bermakna beliau tidak akan menghadapi tentangan dan akan diisytiharkan menang tanpa bertanding dalam Muktamar Pas yang akan diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, 29 April hingga 1 Mei ini. Beliau menjadi Presiden untuk tempoh 1983-85.

Encik Fadhil Noor juga kekal sebagai Timbalan Presiden parti se-

telah Pesuruhjaya Pas Terengganu, Haji Abdul Hadi Awang, menarik diri untuk bertanding merebut jawatan itu.

Haji Abdul Hadi bagaimanapun bertanding bagi mengekalkan salah satu dari dua jawatan Naib Presiden yang dipegang olehnya sekarang.

Beliau akan bertanding bersama Encik Abu Bakar Hamzah dan Encik Nakhale Haji Ahmad. Manakala tiga orang lagi, Dr Haji Abas Alias, Haji Hassan Shukri dan Encik Yahya Osman menarik diri dari bertanding.

Menurut Haji Hassan, Jawatankuasa Agung juga menerima 52 kertas

pencalonan untuk bertanding sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Agong tetapi 33 tokoh sahaja setuju bertanding, manakala yang lain menarik diri.

Calon

Dari sembilan orang calon yang dikemukakan oleh Pas Kawasan bagi jawatan pemeriksa kira-kira, hanya dua calon sahaja dipilih iaitu Encik Ismail Tamin dan Encik Abdul Malek Hassan, manakala yang lain menarik diri.

Haji Hassan menambah, muktamar kali ini dijangka tidak hangat kerana tidak mempunyai

agenda yang menarik untuk dibahaskan, tetapi keputusan dijangka diambil bagi meningkatkan kegiatan parti terutama untuk menyedarkan bukan Islam tentang perjuangan Pas.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia